



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

MSIG Takaful

HLM Takaful i-Critical Care

Teman Anda Di Saat Kritikal



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-7650 1800
Layari www.hlmtakaful.com.my



BestBrands in Takaful Solutions
The Brandlaureate World Halal
Best Brands Awards 2018

Biar Kami Meringankan Beban Ketika Anda Memberi Tumpuan Kepada Pemulihan

Rawatan dan penyembuhan untuk penyakit kritikal boleh mengambil masa berbulan malahan bertahun. Dengan HLM Takaful i-Critical Care, anda kini boleh memberi tumpuan kepada proses penyembuhan dan tidak perlu bimbang mengenai bil dan perbelanjaan untuk meneruskan kehidupan.

Mengapa HLM Takaful i-Critical Care?



*Untuk perempuan berumur 18, jumlah dilindungi asas RM50,000

Nota: Ciri-ciri produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Manfaat Penyakit Kritikal

Setelah didiagnosis dengan salah satu penyakit dilindungi yang disenaraikan di bawah dengan syarat Orang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis, 100% daripada jumlah dilindungi asas akan dibayar sekaligus dan sijil akan ditamatkan:



Serangan Jantung



Kegagalan buah pinggang



Strok



Kanser



Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk definisi penyakit dilindungi di atas.

Ringkasan

Sumbangan	Sumbangan sama dibayar sepanjang tempoh perlindungan. Anda boleh memilih untuk membayar sumbangan sama ada secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan dengan kad kredit/debit melalui arahan tetap (SI).
Umur Kemasukan	18 tahun (harijadi akan datang) – 60 tahun (harijadi akan datang)
Tempoh Perlindungan	10 tahun <i>Nota: Peserta boleh memilih untuk memperbaharui untuk tambahan 10 tahun perlindungan sehingga 2 kali tanpa sebarang pengunderaitan, tertakluk kepada umur kemasukan maksimum ketika pembaharuan dan sumbangan yang lebih tinggi mungkin dikenakan disebabkan oleh peningkatan umur.</i>
Jumlah Dilindungi Asas	RM50,000 – RM500,000 (dalam gandaan RM10,000)

Jadual Kadar Sumbangan Tahunan (RM) setiap RM1,000 Jumlah Dilindungi Asas

Umur Kemasukan	Lelaki	Perempuan	Umur Kemasukan	Lelaki	Perempuan	Umur Kemasukan	Lelaki	Perempuan
18	3.14	3.08	32	4.18	4.63	46	9.41	9.32
19	3.15	3.10	33	4.38	4.88	47	10.00	9.74
20	3.17	3.14	34	4.60	5.15	48	10.64	10.16
21	3.19	3.17	35	4.83	5.42	49	11.31	10.60
22	3.22	3.22	36	5.09	5.72	50	12.10	11.07
23	3.26	3.28	37	5.39	6.02	51	12.91	11.54
24	3.30	3.34	38	5.71	6.34	52	13.74	12.03
25	3.36	3.43	39	6.05	6.67	53	14.58	12.54
26	3.42	3.53	40	6.46	7.03	54	15.42	13.07
27	3.50	3.65	41	6.90	7.39	55	16.36	13.64
28	3.59	3.78	42	7.35	7.77	56	17.27	14.21
29	3.70	3.94	43	7.83	8.15	57	18.16	14.78
30	3.84	4.16	44	8.34	8.54	58	19.03	15.37
31	4.00	4.39	45	8.86	8.92	59	19.87	15.95
						60	20.64	16.54

Nota: Kadar sumbangan adalah tidak dijamin. Kami mempunyai hak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan 90 hari notis bertulis kepada Peserta sebelum ulang tahun sijil yang berikutnya.

Pengecualian


Manfaat tidak akan dibayar sekiranya penyakit dilindungi disebabkan oleh kejadian berikut:

- (a) Penyakit Sedia Ada;
- (b) Tanda atau simptom penyakit dilindungi ditunjukkan sebelum atau:
 - (i) dalam tempoh 60 hari berkenaan dengan:
 - Kanser
 - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
 - Serangan Jantung
 - (ii) dalam tempoh 30 hari bagi semua penyakit dilindungi yang tidak dinyatakan di dalam perkara (i) di atas,
dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih kemudian.
- (c) Kematian Orang Dilindungi dalam tempoh 30 hari selepas tarikh didiagnosis dengan sebarang penyakit dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Nota Penting

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama produk ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
5. Ini adalah produk Takaful penyakit kritikal perlindungan tulen dan ia tidak mempunyai nilai tunai.
6. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful kesihatan dan perubatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai "Takaful Kesihatan dan Perubatan" di mana-mana cawangan kami, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
7. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari www.hlmtakaful.com.my

